



SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN 05/2023

PEPERIKSAAN
UNDANG-UNDANG AM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(GENERAL LAWS) SECTION C
DAN
PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM) SECTION B
BAGI TAHUN 2023

Dengan hormat suacita Jabatan Perkhidmatan Awam mempelawa pegawai-pegawai yang layak untuk menduduki peperiksaan yang tersebut di atas.

Syarat-syarat untuk menduduki peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:

1. SYARAT UTAMA

- 1.1 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (B.A.S);
- 1.2 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Jawatan-Jawatan Dalam Perkhidmatan Perhubungan Awam Jabatan-Jabatan Kerajaan yang dipersyaratkan untuk menduduki dan lulus peperiksaan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (*Constitution of Brunei Darussalam*) Section B;
- 1.3 Pegawai-pegawai dalam Bahagian II **yang mahu** menduduki kertas peperiksaan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (*Constitution of Brunei Darussalam*) Section B.

2. SYARAT LAIN

- 2.1 **PEGAWAI YANG BARU MEMOHON** untuk menduduki peperiksaan dimestikan menduduki **SEMUA KERTAS PEPERIKSAAN** kecuali bagi pemohon di perenggan 1.2 dan 1.3.



3. JADUAL PEPERIKSAAN

3.1 Jabatan Perkhidmatan Awam akan menentukan tarikh, tempat dan jumlah pemohon bagi setiap peperiksaan yang dijalankan. Jadual Peperiksaan adalah seperti berikut:

BULAN	TARIKH PEPERIKSAAN		TARIKH PERMOHONAN	
	UNDANG-UNDANG AM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (GENERAL LAWS) SECTION C	PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM) SECTION B	DIBUKA	DITUTUP
Mei	16 Mei 2023 Selasa	18 Mei 2023 Khamis	01 April 2023 Sabtu	15 April 2023 Sabtu
Oktober	03 Oktober 2023 Selasa	05 Oktober 2023 Khamis	19 Ogos 2023 Sabtu	02 September 2023 Sabtu

** Tarikh-tarikh yang dinyatakan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan.

4. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan dan pencalonan akan dibuat secara dalam talian (*Online*) menggunakan Sistem Sumber Manusia (SSM) melalui Department HRD Administrator di Kementerian/Jabatan masing-masing, sepertimana yang dijelaskan dalam memorandum Jabatan ini bertarikh 17 Rabiulawal 1444/13 Oktober 2022 bertajuk "Penggunaan Modul Training and Event Management Sistem Sumber Manusia."
- 4.2 Department HRD Administrator di Kementerian/Jabatan masing-masing akan menerima pemberitahuan melalui front end SSM mengenai permohonan yang telah dihadapkan iaitu sama ada diluluskan atau ditolak. Department HRD Administrator seterusnya akan memaklumkan status permohonan tersebut kepada pemohon di Kementerian/Jabatan masing-masing.

Rujukan : JPA/1.6/7/2 Pt.9

Tarikh : 13 Jamadilakhir 1444 / 11 Januari 2023

Muka surat 2/3

N



5. HAL – HAL LAIN

- 5.1 Pemohon hendaklah memaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat atau e-mel tunjuk sebab jika tidak dapat hadir untuk menduduki peperiksaan:
 - 5.1.1 Sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh peperiksaan dijalankan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara yang diketahui awal dan tidak dapat dielakkan;
 - 5.1.2 Tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara di luar jangkaan.
- 5.2 Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap pemohon yang TIDAK HADIR / MENARIK DIRI dari menduduki peperiksaan tanpa makluman dan sebarang alasan yang munasabah. Tindakan ini termasuklah menangguhkan pendaftaran semula peperiksaan yang akan datang.

6. KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus di talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410
E-mel : exam.hrsu@psd.gov.bn

Sekian perama/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

فَاللَّهُمَّ تَقْبِيق

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"
"Mengukuhkan Sosio-Ekonomi Negara, Tanggungjawab Bersama"

[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]

Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam